

---

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

**HKN 207 – FIKSYEN DAN DRAMA MELAYU  
DAN INDONESIA MODEN**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi TIGA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab EMPAT soalan sahaja. Pilih DUA soalan dari Bahagian A dan DUA soalan dari Bahagian B.

## Bahagian A

1. Huraikan makna fiksyen dan jenis-jenis fiksyen seperti yang dibincangkan oleh Stephen Minot dalam bukunya *Three Genres: The Writing of Poetry, Fiction and Drama*. Pada pandangan anda penjenisan fiksyen yang mana paling kerap dapat dikesan dan diaplikasi oleh pengarang-pengarang dalam penulisan karya kreatif. Jawapan anda perlu disertai dengan contoh-contoh yang sesuai.
2. Menerusi novel *Tunggul-Tunggul Gerigis*, Shahnnon Ahmad mengutarakan sikap dan tanggapan seluruh masyarakat kampung Poseng dan ahli keluarga Su Usul yang menganggapnya nyanyuk. Bagaimana pula pada pandangan anda? Jelaskan juga apa tujuan Shahnnon Ahmad di sebalik isu kenyanyukan itu.
3. 'Fiction is "untrue" in the sense that it is not dependent on actual people and events'. Berdasarkan petikan di atas, bahaskan secara kritis sejauhmana kisah yang dipaparkan oleh Pramoedya Ananta Toer dalam *Perawan Remaja dalam Cengkeraman Militer* dapat menafikan kenyataan tersebut.
4. Dalam perkembangan sastera mutakhir Indonesia, Danarto telah menggagaskan "sastera kembali ke sumber", manakala Oka Rusmini adalah pejuang kepada kemunculan "sastera wangi". Dengan meneliti persoalan-persoalan dalam cerpen "Dinding Anak" dan "Harga Seorang Perempuan", kemukakan secara kritis sejauhmana gagasan itu diserapkan dalam hasil karya mereka.

## Bahagian B

5. Karya sastera dianggap tidak mempunyai perspektif maju, tetapi mempunyai perspektif penggantian [Miller, 1994]. Dengan merujuk kepada perkembangan cerpen di Malaysia sebelum dan selepas Perang Dunia Kedua, hujahkan sejauhmana pernyataan tersebut benar.
6. Dengan merujuk kepada cerpen "Angin Timur Angin Barat" karya Shahnnon Ahmad ataupun cerpen "Salah Pimpin" karya Keris Mas, perlihatkan penolakan pengarang terhadap budaya Barat. Berdasarkan pemahaman anda, cadangkan bagaimana sepatutnya kesudahan nasib Miss London ataupun nasib Halimah dalam mana-mana satu teks yang anda pilih.

7. Sangkuriang: ...mustahil masih muda  
sudah beranak orang dewasa.  
Duh, dinda djundjungan njawa,  
djangan kekanda dibiarkan menderita.
- [a] Petikan di atas merupakan dialog yang terdapat dalam drama **Sangkuriang** karya R.T.A. Sunarja. Berdasarkan dialog tersebut, bincangkan akibat daripada pelbagai pelanggaran mores yang menjadi idea utama pengarang dalam drama ini.
- [b] Dengan hujah-hujah yang kritis, paparkan pandang alam yang boleh ditonjolkan dalam karya ini untuk digunakan sebagai alat penerapan modal insan berkualiti.
8. Fragmen-fragmen kehidupan dalam **Lantai T. Pinkie** yang berkecai-kecai seperti lukisan *cubism* Picasso telah dicantumkan A. Samad Said menjadi satu komposisi cerita yang padat [Othman Haji Zainuddin].

Bincangkan pernyataan tersebut dengan melihat bagaimana A. Samad Said menerapkan elemen-elemen drama dalam mengungkapkan pengalaman dan pengamatannya tentang kehidupan malam di zaman romantis Singapura yang tragis.